KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	25.03.22	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	JPSM/PERHILITAN			

Hutan negara perlu 50 peratus demi Harimau Malaya



HARIMAU Malaya diancam kepupusan jika kawasan hutan di negara ini terus berkurangan.

KUALA LUMPUR – Malaysia memerlukan sebanyak 50 peratus kawasan berhutan menjelang tahun 2040 bagi melaksanakan usaha konservasi untuk melindungi Harimau Malaya daripada ancaman kepupusan.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, kawasan hutan seluas 50 peratus itu diperlukan memandangkan hutan di Semenanjung Malaysia hanya sekitar 43.4 peratus sahaja.

"Kita perlu kekalkan dan kukuhkan habitat Harimau Malaya menggunakan tanah mampan dan hentikan sebarang pencerobohan dan pemburuan haram.

"Langkah diambil ialah tingkatkan kawasan hutan di Semenanjung yang kini keluasannya hanya 43.4 peratus. Dalam Rancangan Fizikal Negara Keempat menetapkan menjelang 2040, negara perlu ada kawasan berhutan sebanyak 50 peratus," katanya di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan tambahan Muhammad Bakhtiar Wan Chik (**PH-Balik Pulau**) berhubung apakah langkah diambil kerajaan bagi memastikan populasi Harimau Malaya tidak pupus.

Dalam pada itu, Takiyuddin menjelaskan, antara langkah lain dilaksanakan kerajaan bagi melindungi Harimau Malaya termasuklah menubuhkan Pasukan Petugas Khas yang dipengerusikan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Antara langkah lain diambil seperti mempergiatkan pengawasan di lapangan yang membabitkan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, veteran ATM, veteran PDRM dan komuniti Orang Asli.

"Kita juga memperkasakan instrumen kewangan inovatif kepada negeri yang menjaga hutan mereka," katanya.